



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG ATENDAN SWITCHBOARD (D.2-3 EB.4)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG ATENDAN SWITCHBOARD  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus sekurang-kurangnya satu (01) Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Lanjutan ('A' Level) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan berkeupayaan dalam salah satu bidang tugas seperti berikut adalah satu kelebihan:
- i. *Operation Gas Turbine* atau *Diesel Engine*;
  - ii. Pengendalian Jana Kuasa 11 KV dan *switchgear* talian rendah; dan
  - iii. Penyelarasan jentera-jentera pengeluaran *voltage 11 KV* dengan jentera-jentera pengeluaran mana-mana stesen.
3. Pernah mengikuti dan lulus kursus singkat di Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal peringkat pertama dan kedua adalah menjadi kelebihan.
4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertugas secara bergilir-gilir (*shift-duty*) di bawah pengawasan (*shift-charge*) sama ada di Stesen-Stesen Jana Kuasa Gadong di Daerah Brunei dan Muara, Jana Kuasa Lumut di Daerah Belait, Jana Kuasa Belingus di Daerah Temburong dan Jana Kuasa Bukit Panggal di Daerah Tutong; dan
2. Bertanggungjawab dalam pengendalian operasi *Gas Turbine Diesel Engine*.